


AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

PPV mega ditutup mulai 16 Mac akibat kos sewa tinggi



Khairy beramah mesra dengan kakitangan Kementerian Kesihatan ketika melawat Klinik Kesihatan Serkat, dekat Pontian, semalam.
(Foto BERNAMA)

Pontian: Keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menutup semua pusat pemberian vaksin (PPV) mega mulai 16 Mac ini memandangkan penyewaan lokasi pusat itu membabitkan kos yang tinggi.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata pihaknya mendaati bahawa penyewaan lokasi PPV Mega tidak lagi *cost-effective* memandangkan ia membabitkan dewan persidangan yang besar.

"Apabila kita menyewa dewan persidangan ini kita perlu bayar, bukan percuma. Jadi kita sudah guna sepenuhnya. Sekarang, tidak ada keperluan lagi untuk kitakekalkan PPV integrasi ataupun PPV mega.

"Selepas ini, hanya memadai kita sediakan yang lebih kecil

contohnya di klinik swasta dan klinik kesihatan," katanya kepada pemberita selepas melawat Klinik Kesihatan Serkat, Kukup dekat sini, semalam.

Khairy berkata, kehadiran perenerima vaksin juga tidak seramai sebelum ini dan mungkin disebabkan sebahagian besar penduduk telah menerima vaksinasi.

"Di Johor sahaja lebih 70 peratus sudah dapat dos penggalak dan bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) pula, boleh dibuat di peringkat sekolah iaitu PPV sekolah," katanya.

Semalam, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, semua PPV mega akan ditutup bermula 16 Mac ini. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

KKM terus pergiat kempen vaksin untuk kanak-kanak

Sambutan terhadap PICKids masih rendah berikutan ibu bapa masih bimbang kesan sampingan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus mempergiatkan kempen pemberian vaksin kepada kanak-kanak terutamanya ketika penularan kes COVID-19 semakin meningkat.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata KKM akan tetap berusaha sepenuhnya untuk menyelamatkan rakyat di negara ini khususnya kanak-kanak dijangkiti COVID-19.

Beliau mengakui, pemberian vaksin dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) ketika ini masih rendah berikutan ibu bapa yang ragu dan bimbang vaksinasi itu memberi kesan sampingan kepada anak mereka.

"Sekarang, kes sangat tinggi dan kanak-kanak yang masuk ke hospital akibat COVID-19 juga semakin meningkat. Perkara ini ternyata membimbangkan.

"Risiko kepada kanak-kanak ini sangat tinggi jika mereka tidak divaksin. Ibu bapa sepatutnya lebih takut dan bimbang jika anak tidak diberi vaksin, terutamanya ketika peningkatan kes serta penularan varian Omicron yang mudah merebak ini," katanya.



Petugas perubatan memberi suntikan vaksin COVID-19 dos pertama kepada kanak-kanak sempena PICKids di PPV Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya.

(Foto Daniel Saad/BH)

tanya kepada BH.

Setakat kelmanin, hanya 1,003,227 kanak-kanak atau 28.3 peratus kanak-kanak berusia lima tahun hingga 11 tahun mendapat pelarian COVID-19 sejak PICKids diperkenalkan pada 3 Februari lalu.

Dr Noor Azmi, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (CITF-C), berkata ke-

bimbangan ibu bapa mengenai pemberian vaksin kanak-kanak itu banyak dipengaruhi oleh sosial media serta video yang tular.

"Saya seru semua ibu'bapa de ngarlah berita yang sah daripada KKM serta beri kebenaran untuk anak ini divaksin, ia demi keselamatan mereka," katanya.

Dr Noor Azmi berkata, KKM

Ibu bapa sepatutnya lebih takut dan bimbang jika anak tidak diberi vaksin, terutamanya ketika peningkatan kes serta penularan varian Omicron yang mudah merebak ini.

Dr Noor Azmi Ghazali,
Timbalan Menteri Kesihatan



Vaksin Sinovac mula diberi hari ini

Putrajaya: Vaksin Coronavac (Sinovac) yang diluluskan pada 3 Mac lalu kepada kanak-kanak akan mula diberikan hari ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata vaksin berkenaan hanya akan diberikan kepada kanak-kanak yang tidak boleh menerima vaksin Comirnaty (Pfizer) atas faktor kesihatan.

Selain itu, katanya, ibu bapa

juga diberi pilihan untuk mendapatkan vaksin Sinovac kepada anak mereka jika tidak mahu menerima pelarian jenis Pfizer.

"Ibu bapa boleh menyemak senarai nama serta waktu operasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang menawarkan vaksin berkenaan secara walk-in di laman web Kementerian Kesihatan (KKM) serta PHCorp," katanya

dalam kenyataan.

Dr Azmi Ghazali berkata, penawaran vaksin Sinovac di PPV yang dikendalikan oleh KKM dan PHCorp di bawah PICKids adalah percuma.

Selain PICKids, katanya, ada klinik dan hospital swasta menawarkan vaksin Sinovac kepada kanak-kanak berusia lima tahun hingga 11 tahun, dengan bayaran.

melakukan beberapa perkara untuk meningkatkan kesedaran pemberian vaksin kepada kanak-kanak, menerusi beberapa medium seperti penerangan di radio, televisyen dan sosial media, membabitkan pakar perubatan, ahli agama dan 'influencer'.

Beliau berkata, KKM juga melaksanakan webinar, forum, malah menyebarkan maklumat manfaat vaksin dalam khutbah Jumat.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 50,826 orang kanak-kanak di bawah usia 12 tahun disahkan positif COVID-19 dari awal Januari hingga pertengahan bulan lalu.

Daripada jumlah itu, sebanyak 15,817 kes atau 31.12 peratus kanak-kanak dijangkiti kategori satu, diikuti kategori dua (34,857 kes), kategori tiga (120 kes), kategori empat (28 kes) dan kategori lima (empat kes).

Sementara itu, data COVID-19 NATION menunjukkan, sejumlah 14,984,241 individu atau 63.7 peratus populasi dewasa di negara sudah menerima dos penggalak COVID-19; 22,927,098 atau 97.4 lengkap vaksinasi, manakala 23,203,753 atau 98.6 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 tahun hingga 17 tahun, seramai 2,830,746 individu atau 91 peratus daripada populasi itu sudah lengkapkan vaksinasi dan 2,930,978 atau 94.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Selain itu, 67 kes kematian akibat COVID-19 direkodkan kelmanin, dengan kes tertinggi di Selangor dengan 14 kes, diikuti Kedah (12), Johor (10), Perak (lapan), Sabah (tujuh) dan masing-masing empat kes di Melaka dan Perlis.

Beliau berkata, dua dos vaksin Sinovac akan diberikan kepada kanak-kanak lima tahun hingga 11 tahun dengan selang masa empat minggu.

Dalam pada itu, Dr Noor Azmi berkata, walaupun vaksin Sinovac itu sudah diluluskan, vaksin Comirnaty (Pfizer) tetap diberi keutamaan dalam PICKids, khususnya bagi kanak-kanak berisiko tinggi dan komorbid.

Keliru maklumat punca kurang sambutan

Kuala Lumpur: Banyak maklumat mengelirukan, terutama daripada pakar kesihatan yang antivaksin COVID-19, adalah antara punca vaksinasi untuk kanak-kanak dan dos penggalak, semakin kurang mendapat sambutan.

Pakar perubatan kesihatan awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Halimatus Sakdiah Minhat, berkata pandangan daripada mereka yang bergelar pakar mengenai vaksin membuatkan masyarakat berasa keliru.

"Apabila ada maklumat yang bercanggah daripada mereka yang mempunyai latar belakang perubatan, sudah pasti akan membuatkan masyarakat mula ragu-ragu."

"Ia berbeza berbanding yang memberikan maklumat itu adalah orang biasa yang tiada latar belakang perubatan," katanya kepada BH.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan orang ramai, terutama ibu bapa berasa ragu-ragu dan takut mbenarkan anak mereka menerima suntikan.

Malah, katanya, ada juga doktor perubatan yang membuat siaran langsung menerusi Facebook, mengenai kesan sampingan vaksin, medayebabkan ibu bapa semakin bimbang.

"Berkemungkinan apa yang dikatakan oleh pakar berkenaan adalah berdasarkan jurnal, namun perlu juga dilihat kaedah pelaksanaan kajian itu sama ada memenuhi etika penyelidikan atau kaedah persampelan yang betul."

"Di sinilah pakar penyelidikan perlu tampil dan memberikan input mereka untuk membentuk kembali apa sahaja yang didakwa secara salah," katanya.

Beliau juga menolak andaian cuti sekolah ketika ini menjadi punca pusat pemberian vaksin (PPV) lengang dan ramai ibu bapa tidak membawa anak mendapatkan suntikan kerana bercuti.



Halimatus
Sakdiah
Minhat

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Individu dijangkiti tak perlu ulang ujian selesai kuarantin

RT-PCR mampu kesan virus dalam tempoh 2 hingga 3 bulan setelah disahkan positif

Dib: Noor Afizah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Individu yang sudah dijangkiti COVID-19 serta selesai menjalani kuarantin tidak perlu membuat ujian ulangan bagi memastikan tiada lagi virus berkenaan di dalam badan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ini kerana ujian seperti *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) itu sangat sensitif dan akan mengesan kehadiran genetik virus berkenaan.

"RT-PCR ini sangat sensitif dan akan mengesan kehadiran genetik itu dalam saluruan pernafasan dalam tempoh dua hingga tiga bulan selepas dijangkiti, misalkan dalam tempoh *viral shedding*.

"Namun, virus berkenaan sudah tidak dapat membika dan individu itu (diangkiti CO-

VID-19) tidak mungkin boleh menyebarkan jangkitan kepada orang lain," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, seorang boleh dijangkiti COVID-19 jika berada berdekatan dengan pesakit COVID-19 yang batuk atau bersin dan virus itu boleh tersebar terutama antara individu yang mempunyai kontak rapat.

"Ujian RTK antigen (RTK-Ag) biasanya boleh mengesan jangkitan pada hari ketiga hingga ketujuh selepas seseorang terdedah kepada pesakit COVID-19, manakala RT-PCR boleh mengesan jangkitan seawal hari kedua hingga hari-14 selepas dijangkiti.

"Justeru, ketepatan ujian RTK-Ag dan RT-PCR bergantung kepada tempoh jangkitan ketika sampel diambil.

"Penggunaan RTK-Ag disarankan kepada individu bergejala atau berada dalam kumpulan berisiko tinggi sekiranya tidak bergejala," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM meluluskan penggunaan RTK-Ag sebagai kaedah alternatif pengujian COVID-19 selain RT-PCR.

"RTK-Ag membantu memudahkan proses pengesan dan pengawalan jangkitan COVID-19 kerana kaedah ini ringkas, mudah, murah dan boleh dilakukan

di lapangan.

"Proses pengujian RTK-Ag pantas dan keputusan ujian diperoleh antara 20 hingga 30 minit.

"KKM menyarankan semua ujian RTK Ag secara kendiri, profesional ataupun RT-PCR yang dijalankan perlu dilapor kepada KKM melalui MySejahtera atau Sistem Informasi Makmal Kesihatan Awam (SIMKA).

"Laporan itu boleh diberikan tidak kira sama ada keputusan positif atau negatif, bagi membantu KKM untuk mendapatkan gambaran lebih jelas kadang jangkitan yang berlaku di dalam komuniti," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, RTK-Ag yang diluluskan penggunaannya di negara ini perlu mempunyai sekurang-kurangnya 95 peratus kadar sensitiviti dan 95 peratus kadar spesifikasi.

"Oleh itu, terdapat kemungkinan lima peratus berlaku keputusan *false positive* atau *false negative*.

"*False positive* berlaku apabila kit memberi keputusan positif bagi individu tidak dijangkiti.

"Antara faktor penyumbang menyebabkan keadaan ini adalah jangkitan silang daripada pesakit COVID-19 atau kontaminasi virus dari persekitaran, manakala *false negative* berlaku apa-

bila kit berkenaan tidak dapat mengesan kehadiran antigen dalam pesakit yang dijangkiti COVID-19.

"Ia mungkin disebabkan teknik pengambilan sampel yang salah dan masa sampel diambil di luar tempoh jangkitan," katanya.

Menurut Dr Noor Hisham, semasa kit ujian COVID-19 yang dibawa masuk ke negara ini perlu melalui penilaian oleh Jawatankuasa Expert Committee daripada Pihak Berkewajipan Peranti Perubatan (MDA).

"Jawatankuasa ini bertindak menyarang dan memutuskan sesuatu kit itu layak dan disyorkan untuk berada di pasaran berdasarkan prestasi kit ujian selepas melalui evaluasi atau penilaian makmal di pusat evaluasi terpilih, iaitu Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Tropical Infectious Diseases Research & Education Centre (TIDREC), Institut Kanser Negara (IKN), Hospital Kuala Lumpur (HKL), dan Hospital Sungai Buloh (HSB).

"Sehingga 18 Februari lalu, terdapat 128 kit ujian kendiri di pasaran yang mendapat rekomendasi ini.

"Kit ini juga sudah diluaskan penjualannya bukan saja di farmasi dan fasiliti kesihatan, malah ia juga mudah didapati di kedai terpilih.

"Pihak MDA turut memantau keselamatan dan prestasi kit ujian kendiri yang mendapat kelulusan bersyarat dari semasa ke semasa.

"Sekiranya terdapat sebarang isu dengan kit ujian kendiri yang digunakan, orang awam dinasihatkan melaporkan kepada pemilik bahagian yang menjual kit ujian berkenaan dan MDA.

"Justeru, KKM amat menyaranakan supaya orang awam mengoptimumkan ujian RTK-Ag kendiri sebagai ujian saringan bagi mengesan jangkitan COVID-19 dan membuat laporan kendiri bagi keputusan ujian melalui aplikasi MySejahtera," katanya.

Ketepatan ujian RTK-Ag dan RT-PCR bergantung kepada tempoh jangkitan ketika sampel diambil. Penggunaan RTK-Ag disarankan kepada individu bergejala atau berada dalam kumpulan berisiko tinggi sekiranya tidak bergejala.

**Dr Noor Hisham Abdullah,
 Ketua Pengarah Kesihatan**



Kes harian tertinggi dicatat 3 hari berturut-turut

Putrajaya: Malaysia terus mencatat angka harian tertinggi COVID-19 selama tiga hari berturut-turut, apabila 33,406 kes baru direkodkan, kelmarin.

Ia lebih tinggi berbanding 33,209 jangkitan pada Jumaat dan 32,467 kes Khamis lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia meliputi 33,064 kes tempatan dan 342 import.

Daripada jumlah itu, beliau berkata, pesakit Kategori 2 catat bilangan tertinggi membitkikan 20,035 kes atau 59.97 peratus.

"Sebanyak 13,157 kes (39.39 peratus) pula adalah pesakit Kategori 1, Kategori 3 (92), Kategori 4 (69) dan Kategori 5 (53)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Memperincik kes Kategori 3 hingga 5, Dr Noor Hisham berkata, 101 jangkitan baharu (47.20 peratus) membabitkan individu sudah menerima dua dos vaksin COVID-19, tetapi belum mendapatkan dos penggalak.


"Selain itu, 96 kes (44.86 peratus) adalah individu berusia 60 tahun dan ke atas; mempunyai komorbid (70), tidak divaksin atau belum menerima dua dos vaksin (60); sudah menerima dos penggalak (53); dan ibu mengandung (satu)," katanya.

Beliau memaklumkan, sebanyak 371 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) membabitkan 131 disahkan COVID-19 serta 240 lagi disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

Daripada jumlah itu, katanya, 226 kes memerlukan alat bantuan pernafasan, meliputi 74 disahkan COVID-19 serta 152 disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, 11 kluster baharu COVID-19 dilaporkan, kelmarin, menjadikan 474 kluster masih aktif, setakat ini.

Sebanyak 27,143 kes sembuh dilaporkan, kelmarin, membawa kepada jumlah kumulatif 3,250,793.



Petugas perubatan memberikan suntikan vaksin COVID-19 dos penggalak kepada penerima di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Dewan Ang Si Chong, Butterworth.
 (Foto hiasan)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19



PENGISIAN katil kes kritis di ICU catat peratusan melebihi 50 peratus di tujuh negeri. - Gambar NSTP/ERFENDY RASHID

Oleh Yusmizal Dolah
Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tujuh negeri mencatatkan peratusan pengisian katil kes kritis di unit rawatan rapi (ICU) melebihi 50 peratus, manakala

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, negeri itu ialah Putrajaya dengan 83 peratus, Johor (65 peratus), Kuala Lumpur (65 peratus), Perlis (64 peratus), Kelantan (63 peratus), Selangor (62 peratus), dan Perak (55 peratus).

Katanya, bagi katil bukan ICU, 12 negeri menunjukkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus iaitu Selangor dengan 117 peratus, Putrajaya (99 peratus), Perak (97 peratus), Kuala Lumpur

Pengisian katil ICU meningkat

Pesakit Covid-19 perlukan bantuan ventilator turut catat pertambahan kepada 226 pesakit

(94 peratus), Perlis 92 peratus), Kelantan (83 peratus), Terengganu (76 peratus), Pahang (69 peratus), Sarawak (68 peratus), Johor (68 peratus), Pulau Pinang (57 peratus) dan Sabah (52 peratus).

"Bagi katil Pu-sat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) hanya satu negeri iaitu Me-

laka menunjukkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus iaitu 61 peratus.

"Pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) meningkat kepada 226 pesakit dengan peratusan penggunaan ventilator sebanyak 26 peratus," katanya dalam kenyataan,

semalam.

Menurutnya, pada masa sama, terdapat juga kes Covid-19 yang berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC serta ke hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

"Pada 5 Mac 2022, sebanyak 2,019 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital dengan 1,247 kes adalah dari kategori 1 dan 2 manakala 772 kes adalah kategori 3, 4, dan 5," katanya.

“PKRC di Melaka catat peratusan pengisian melebihi 50 peratus
Dr Noor Hisham

Kes baharu terus catat peningkatan

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 di negara ini mencatatkan peningkatan dengan 33,406 kes dilaporkan kelmarin berbanding 33,209 kes, Juma-

at lalu. Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kes kumulatif kepada

3,595,172 kes sejakat ini.

Katanya, kes sembah mengecatatkan 27,143 kes dengan keseluruhan kes kumulatif adalah 3,250,793 kes.

"Kes import adalah sebanyak 342 kes dengan 282 adalah warganegara dan 60 bukan war-

ganegara.

"Kes tem-

patan se-

23,064

kes de-

Sebanyak 371 kes perlukan rawatan di ICU

ngan 32,074 warganegara manakala 990 bukan warganegara," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) sebanyak 371 kes dengan 131 kes disahkan Covid-19 manakala 240 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan.

Katanya, kes memerlukan bantuan pernafasan pula sebanyak 226 kes dengan 74 kes sudah disahkan Covid-19 manakala 152 kes disyaki, kemungkinan dan kes dalam siasatan.

Menurutnya, 11 kluster baru dicatatkan kelmarin menjadikan jumlah kluster sebanyak 6,837 sejakat ini.

28.3 peratus populasi kanak-kanak sudah terima dos pertama

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,003,227 individu atau 28.3 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PiCKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVID-NOW, sejumlah 14,084,241 individu atau 63.7 peratus populasi dewasa di negara ini pula menerima dos penggalak Covid-19 dan seramai 22,927,098 atau 97.4 lengkap vaksinasi manakala 23,203,753 atau 98.6 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 67 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Selangor mencatatkan 14 kes, diikuti Kedah (12), Johor (10), Perak (lapan), Sabah (tujuh) dan masing-masing empat kes di Melaka dan Perlis.

Pahang dan Kelantan pulalah masing-masing melaporkan tiga kes manakala satu kes masing-masing di Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

**PICKIDS
DI PAHANG**

**40,150
sudah
terima
vaksin**



DR Nor Azimi

Kuantan: Seramai 40,150 kanak-kanak di Pahang sudah mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) setakat ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, jumlah itu merangkumi 20.8 peratus daripada 192,600 kanak-kanak lama hingga 11 tahun yang disasarkan menerima vaksin.

Katanya, Cameron Highlands merekodkan pencapaian tertinggi iaitu 38.2 peratus berbanding daerah lain yang mencatat antara 27.2 peratus dan 21.1 peratus.

"Ketika ini, enam Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dibuka secara juma terus iaitu Dewan Eng Choon dan UNIKlinik India Mahkota Dua, di sini serta Dewan Jubli Perak, Raub.

"PPV lain pula ialah di Dewan Kuala Rompin, Rompin; Dewan Tun Razak dan Pusat Latihan Kesihatan Mentakab di Temerloh," katanya dalam kenyataan, semalam.

Nor Azimi berkata, PICKids Pahang bermula pada 7 Februari lalu dengan menyasarkan 192,600 kanak-kanak.

Katanya, sebanyak 133 PPV yang beroperasi dengan kapasiti keseluruhan sebanyak 5,075 dos sehari.

"PPV itu membabitkan 46 PPV kluster sekolah, 67 PPV Klinik Kesihatan, satu PPV awam dan lapan PPV offsite dan 18 pasukan outreach sekolah."

"Oleh itu, JKN Pahang mengharapkan lebih ramai kanak-kanak akan mendapatkan suntikan vaksin," katanya.

Tiada arahan wajib booster di bazar Ramadan: KKM

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak pernah menganjurkan sebarang arahan atau ketetapan supaya suntikan dos penggalak menjadi kewajipan ketika pembukaan bazar Ramadan oleh peniaga tempatan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menegaskan, pihaknya tidak menganjurkan arahan itu kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pengangur bazar.

"Kita KKM tidak keluarkan apa-apa arahan atau syarat kepada PBT untuk beri booster. Ini semua adalah bidang kuasa pihak berkenaan.

"Jika pasar malam adalah PBT, jika di masjid adalah Jabatan Agama Islam Negeri.

"Kita bagi nasihat, tetapi nasihat kita bukanlah sampai nak pergi pasar sampai nak kena booster," katanya ketika melancarkan Persidangan Tahunan Dialisis di sini, semalam.

Ditanya adakah keperluan kewajipan suntikan dos penggalak kepada peniaga bazar, beliau menafikan perkara itu berlaku.

KKM tidak keluarkan apa-apa arahan atau syarat kepada PBT

Isu kewajipan dos penggalak bagi peniaga bazar Ramadan tular selepas seorang pengguna media sosial memuat naik surat arahan sebuah PBT yang meletakkan syarat tiga suntikan vaksin termasuk dos penggalak kepada peniaga dan pembantu gerai berkaitan. Pengguna itu turut menyatakan

Khairy Jamaluddin kerana menyatakan beliau mengeluarkan arahan sedemikian.

SPPV Hospital USM suntik 56,842 dos vaksin

Kota Bharu: Pusat Pemberian Vaksin Khas (SPPV) Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) sudah memberikan sebanyak 56,842 dos suntikan vaksin sejak Mac lalu hingga kini.


Timbalan Pengarah Operasinya, Profesor Dr Mohd Imran Yusof berkata, daripada jumlah itu, ia membabitkan 24,000 penerima iaitu 8,500 dos penggalak dan terbaharu adalah 466 dos vaksin kepada kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun.

"Dengan jumlah pesakit dan peningkatan semula kemasukan ke wad Covid dan ICU di Kelantan sejak akhir-akhir ini, adakah ma-

syarakat benar-benar memahami peranan vaksin dalam mencegah penularan Covid-19 dan kenapa begitu ramai secara tiba-tiba menjadi begitu pakar dalam isu vaksinasi ini?

"Dalam hal ini, adalah penting untuk golongan enggan divaksin memahami bahawa vaksin bertindak sebagai perisai daripada virus Covid-19 yang berupaya mengurangkan risiko jangkitan teruk," katanya.

Katanya, pematuhan prosedur operasi standard (SOP) juga perlu berterusan dalam usaha mengurangkan kadar jangkitan, sekali gus menangani virus Covid-19 daripada terus merebak.



PETUGAS barisan hadapan antara golongan berisiko tinggi dijangkiti Covid-19.

ELAK KEMATIAN TANPA TAHU DIJANGKITI

Buat ujian kendiri dengan lebih kerap

Kematian tanpa mengetahui diri dijangkiti Covid-19 ternyata membimbangkan banyak pihak, khususnya mereka yang terdedah dengan kerjaya dan lokasi berisiko.

Pakar Kesihatan Awam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, petugas barisan hadapan dan mereka yang terdedah dengan perkumpulan ramai antara golongan berisiko tinggi dijangkiti.

Menurutnya, ini ditambah pula dengan penularan variain Omicron yang menyebabkan seseorang itu dijang-

kiti Covid-19 tanpa simptom. "Ujian kendiri lebih kerap antara tempoh tiga hingga empat hari sekali perlu dilakukan untuk memastikan diri bebas Covid-19.

"Covid-19 tidak boleh dikesan dengan hanya sekali ujian kerana virus memerlukan tempoh inkubasi dalam tubuh manusia," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, lebih kerap

ujian kendiri dijalankan maka lebih mudah seseorang itu boleh mengetahui sama ada sudah dijangkiti Covid-19 atau sebaliknya.

Katanya, kit ujian kendiri yang boleh dibeli kini memudahkan proses itu dijalankan di mana saja.

"Golongan yang terdedah dengan orang ramai seperti petugas barisan hadapan dan profesion lain perlu ke-

rap menjalani ujian kendiri.

"Sekarang penularan tinggi namun disebabkan tiada simptom menyebabkan seorang itu hanya sedar apabila keadaan semakin kritis."

"Kekerapan ujian kendiri membantu kita memastikan tahap kesihatan bera pada tahap yang terbaik selain membolehkan tindakan segera diambil jika dijangkiti."

katanya.

Baru-baru ini Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin mendedahkan kira-kira 91 peratus kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) membabitkan individu yang tidak mengetahui mereka dijangkiti Covid-19.

Peningkatan kes BID sebelum mendapat rawatan di fasiliti kesihatan itu membolehkan tindakan segera diambil jika dijangkiti."

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19

PICKids

Mula pemberian Sinovac hari ini

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Pemberian vaksin Coronavac (Sinovac) yang diluluskan kepada kanak-kanak 3 Mac lalu akan diberikan bermula hari ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali (*gambar*) berkata, vaksin berkenaan hanya

akan diberikan kepada kanak-kanak yang tidak boleh menerima vaksin Comirnaty (Pfizer) atas faktor kesihatan.

Beliau berkata, selain itu ibu bapa juga diberi pilihan untuk mendapatkan vaksin Sinovac ini kepada anak mereka sekiranya tidak berseburu untuk memberikan pelaluan Pfizer.

"Mulai esok (hari ini), Kementerian Kesihatan (KKM) akan mula menawarkan vaksin Sinovac ini di pusat pem-

berian vaksin (PPV) terpilih dan ibu bapa boleh menyemak senarai nama serta waktu operasi PPV yang menawarkan vaksin berkenaan secara walk-in di laman web KKM serta PHCorp," katanya semalam.

CoronaVac adalah vaksin kedua yang dilulus-

kan penggunaannya selepas vaksin Comirnaty.

Tambah Dr Azmi Ghazali, penawaran vaksin Sinovac di PPV yang dikendalikan oleh KKM dan PHCorp di bawah PICKids adalah percuma.

"Selain daripada program PICKids, ada juga klinik dan hospital swasta yang menawarkan vaksin Sino-

vac kepada kanak-kanak lima hingga 11 tahun dengan bayaran," katanya.

Dr Noor Azmi berkata, vaksin Sinovac ini hanya boleh diberi apabila kanak-kanak mencapai usia lima tahun pada tarikh lahir dan bagi mendapatkan status vaksinasi lengkap, dua dos vaksin Sinovac akan diberikan kepada kanak-kanak lima hingga 11 tahun dengan selang masa empat minggu.

Dalam pada itu, Dr Noor Azmi berkata, walaupun vaksin Sinovac itu sudah diluluskan, namun vaksin Comirnaty (Pfizer) dengan formulasi kanak-kanak adalah vaksin yang diberi keutamaan dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids).

"Ia termasukkan kanak-kanak yang mempunyai risiko tinggi dan ada komorbiditi seperti rendah imun, penyakit paru-paru kronik, penyakit jantung, kencing manis, obesiti dan penyakit lain," katanya.



SEORANG bapa memeluk serta menutup mata anaknya ketika petugas perubatan memberikan suntikan vaksin Covid-19 dos pertama di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Tidak perlu ulang ujian selepas kuarantin

Putrajaya: Individu yang sudah dijangkiti Covid-19 serta selesai menjalani kuarantin tidak perlu membuat ujian ulangan bagi memastikan tiada lagi virus berkenaan di dalam badan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini kerana ujian seperti *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) itu sensitif dan akan mengesan kehadiran

genetik virus berkenaan. "RT-PCR ini sensitif dan akan mengesan kehadiran genetik itu dalam saluran pernafasan dalam tempoh dua hingga tiga bulan selepas dijangkiti, misalnya dalam tempoh *viral shedding*.

"Namun virus berkenaan sudah tidak dapat membiak dan individu itu (dijangkiti Covid-19) tidak mungkin mengesan kehadiran

boleh menyebarkan jangkitan kepada orang lain," katanya.

Tambah Dr Noor Hisham, seseorang itu boleh dijangkiti Covid-19 jika mereka berada berdekatan dengan pesakit Covid-19 yang batuk atau bersin dan virus itu lebih mudah merebak dalam persekitaran tertutup yang kurang ventilasi dan sesak.

"Jangkitan berlaku apabila

la titisan mengandungi virus dihirup melalui udara atau bersentuhan langsung dengan mata, hidung atau mulut seseorang. Virus ini lebih mudah merebak dalam persekitaran tertutup yang kurang ventilasi dan sesak.

"Ujian RTK antigen (RTK-Ag) biasanya boleh mengesan jangkitan pada hari ketiga hingga ketujuh

selepas seseorang terdedah kepada pesakit Covid-19, manakala RT-PCR boleh mengesan jangkitan seawal hari kedua hingga hari-14 selepas dijangkiti.

"Justeru itu, ketepatan ujian RTK-Ag dan RT-PCR bergantung kepada tempoh jangkitan sewaktu sampel diambil. Penggunaan RTK-Ag disarankan kepada individu bergejala atau ber-

ada dalam kumpulan berisiko tinggi sekiranya tidak bergejala," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM meluluskan penggunaan RTK-Ag sebagai suatu kaedah alternatif pengujian Covid-19 selain RT-PCR.

"Ini kerana RTK-Ag membantu memudahkan proses pengesanan dan pengawalan jangkitan Covid-19 kerana kaedah ini adalah ringkas, mudah, murah dan boleh dilakukan di lapangan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Pilihan vaksin CoronaVac untuk kanak-kanak bermula hari ini

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mula menawarkan vaksin CoronaVac untuk kanak-kanak di pusat pemberian vaksin yang terpilih di seluruh negara bermula hari ini.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, kerajaan telah meluluskan penggunaan CoronaVac sebagai vaksin kedua untuk kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun selepas vaksin Comirnaty (Pfizer-BioNTech).

Ia sekali gus memberikan pilihan kepada ibu bapa sekitaranya anak-anak mereka tidak boleh menerima vaksin Comirnaty atas sebab kesihatan atau jika mereka tidak bersetuju untuk meng-

gunakan vaksin Comirnaty.

Menurutnya, Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah yang ke 370 pada 3 Mac yang lalu telah memberi kelulusan bersyarat penggunaan CoronaVac Suspension for Injection Covid-19 Vaccine (Vero Cell); Inactivated keluaran Sinovac Life Sciences Co., Ltd., China dan Pharmaniaga Lifescience Sdn. Bhd., Malaysia untuk kanak-kanak 5 hingga 11 tahun.

"Vaksin CoronaVac hanya boleh diberi apabila kanak-kanak mencapai usia 5 tahun pada tarikh lahir. Bagi mendapatkan status vaksinasi lengkap, dua



DR NOOR AZMI

dosis vaksin CoronaVac dengan selang masa 4 minggu perlu diberikan kepada kanak-kanak berumur 5-11 tahun.

"Mulai 7 Mac (hari ini), Kementerian Kesihatan akan mula menawarkan vaksin CoronaVac di Pusat Pemberian Vaksin yang terpilih. Ibu bapa boleh menyemak senarai nama serta waktu operasi Pusat

Pemberian Vaksin yang menawarkan CoronaVac secara walk-in di laman web Kementerian Kesihatan dan PHCorp yang telah diumumkan sebelum ini."

"Ibu bapa yang mendaftarkan anak dalam aplikasi MySejahtera pula akan

menerima pautan kepada tempahan jangji temu vaksinasi anak-anak mereka.

"Penawaran vaksin CoronaVac di PPV yang dikendalikan oleh KKM dan PHCorp di bawah PICKids adalah percuta. Selain dari program PICKids, terdapat juga klinik dan hospital swasta yang menawarkan vaksin CoronaVac kepada kanak-kanak 5 hingga 11 tahun dengan bayaran," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Berdasarkan data dalam CovidNow, sehingga Sabtu, jangkitan Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah 12 tahun menunjukkan peningkatan ketara apabila 123,053 orang disahkan positif virus itu semenjak Januari 2022.

Pembukaan sempadan pulihkan ekonomi negara

Bagaimanapun tindakan itu perlu dilakukan sebaik mungkin mengikut SOP ditetapkan KKM

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

KOTA BHARU

Langkah kerajaan untuk membuka semula sempadan negara mampu menghidupkan ekonomi Malaysia yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, bagaimanapun tindakan itu perlu dilakukan dengan sebaik mungkin mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Persiapan mantap ini penting sebelum pengumuman berkait dengan perkata (sempadan) itu diambil.



Mustapa (tengah) merasmikan majlis pelancaran Program Transformasi Digital Pasar Besar Siti Khadijah pada Ahad.

"Apa yang penting golongan peniaga sudah tahu berkait dengan pembukaan sempadan dan mereka boleh membuat persediaan sewajarnya," katanya selepas merasmikan majlis pelancaran Program Transformasi Digital Pasar Besar Siti Khadijah di sini pada Ahad.

Hadir sama Exco Pertindustrian, Perdagangan, Pelaburan Dan Pembangunan Usahawan Kelantan, Datuk Hanifa Ahmad.

Menurutnya, selagi sempadan negara dibuat ia akan merumukkan pemulih-

an ekonomi negara pada masa hadapan. Beliau berkata, pembukaan sempadan negara merupakan salah satu syarat proses pemuliharaan semula ekonomi negara.

Ahli Parlimen Jeli itu berkata, beberapa negara lain seperti Thailand; Kemboja, Indonesia dan Brunei sudah bersetuju dengan cadangan pembukaan sempadan.

"Penggunaan mengenai perkara ini (sempadan) mungkin mengambil masa, kerana kita tidak mahu wujudnya situasi beratur panjang (untuk masuk) selain meningkatkan penularan jangkitan," katanya.

Keputusan tutup PPV Mega mulai 16 Mac memandangkan kos sewa tinggi - Khairy

PONTIAN - Keputusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menutup semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega mulai 16 Mac ini memandangkan penyewaan lokasi pusat itu membabitkan kos yang tinggi.

Menterinya, Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya mendapati bahawa penyewaan lokasi PPV Mega tidak lagi cost-effective

memandangkan ia melibatkan dewan-dewan persidangan yang besar.

"Apabila kita menyewa dewan persidangan ini kita perlu bayar, bukaninya percuuma jadi kita dah guna sepenuhnya. Sekarang ini tidak ada keperluan lagi untuk kita kekal PPV Integrasi ataupun PPV Mega."

"Selepas ini hanya memadai untuk kita buat sediakan yang lebih kecil contohnya

di klinik swasta dan klinik kesihatan," kataanya kepada pemberita selepas melawat Klinik Kesihatan Serkat, Kukup dekat sini pada Ahad.

Khairy berkata, kehadiran penerima vaksin juga tidak lagi seramai sebelum ini dan mungkin disebabkan sebahagian besar penduduk telah menerima vaksinasi. Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 35

RUANGAN : SINAR NEGERI . PAHANG . SELANGOR/KL . N.SEMBILAN

40,150 kanak-kanak di Pahang telah divaksin

Daerah Cameron Highlands catat liputan tertinggi dengan 38.2 peratus

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

KUANTAN

S eramai 40,150 kanak-kanak telah menerima suntikan vaksin melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di negeri ini hingga Sabtu.

Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus berkata, jumlah itu kira-kira

20.8 berbanding 192,600 kanak-kanak yang disasarkan.

Menurutnya, daerah Cameron Highlands mencatatkan jumlah liputan tertinggi dengan 38.2 peratus.

“Enam daerah mempunyai liputan 20 hingga 30 peratus iaitu Bera (27.2 peratus), Raub (25.3 peratus), Bentong (25.2 peratus), Kuantan (24.1 peratus), Temerloh (22.5 peratus) dan Jerantut (21.1 peratus),” katanya dalam kenyataan pada Ahad.



DR NOR AZIMI

“Daripada jumlah PPV yang beroperasi, 46 PPV sekolah, PPV klinik kesihatan (67), PPV awam (1), PPV off site (8) dan 18 pasukan jangkau luar (outreach) sekolah,” katanya.

Tambah beliau, ketika ini terdapat enam PPV yang memberikan suntikan secara *walk in* iaitu di Dewan Eng Choon dan UNIKlinik IM2 di Kuantan, Dewan Jubli Perak Raub, Dewan Kuala Rompin, Dewan Tun Razak Temerloh dan di Pusat Latihan Kesihatan Mentakab.

Program PICKids untuk kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di lancarkan 3 Februari lalu manakala di Pahang bermula pada 7 Februari.

PICKIDS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS / NSTORY OF THE DAY



Norazalin Taharin, 45, snapping a picture with her son, Nor Hifly Norhasdi, 8, after he received a dose of a Covid-19 vaccine at the Tapak Ekspo vaccination centre in Seberang Jaya on Saturday. PIC BY DANIAL SAAD

A SECOND OPTION

